

SITI NORKHALBI HAJI WAHSALFELAH

Sejarah Sosio-Budaya Kraftangan di Brunei Darussalam: Barangan Logam dan Kain Tenunan

IKHTISAR: Dari catatan sejarah menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam kaya dengan warisan khazanah budaya material. Budaya material ini adalah merupakan hasil pertukangan tangan, atau kraftangan, yang dicipta untuk memenuhi keperluan masyarakat yang selalunya mempunyai kepentingan bersesuaian dengan perubahan dan perkembangan semasa. Budaya material mempunyai peranan yang wajar dan realistik dalam kehidupan, sama ada di rumah atau pada peringkat komuniti. Kraftangan ialah suatu peninggalan yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Penghasilan kraftangan ini juga adalah sumber ekonomi yang dapat membantu memperbaiki status ekonomi pengeluar. Di samping itu, hasil kraftangan ini juga mempunyai kepentingan simbolik, seperti memberikan perlambangan identiti budaya dan bangsa. Kertas kerja ini akan membincangkan beberapa jenis kraftangan yang dihasilkan oleh masyarakat Brunei dan kepentingannya dalam masyarakat Brunei. Di samping itu akan dilihat juga peranan masyarakat dan pihak kerajaan dalam memastikan kesinambungan pengeluaran dan penggunaan budaya material ini sebagai suatu langkah yang penting dalam usaha untuk mempertahankan warisan budaya atau identiti ke-Brunei-an.

KATA KUNCI: Budaya material, kraftangan, logam, kain tenunan, sumber ekonomi, jatidiri dan identiti bangsa, serta masyarakat Brunei.

ABSTRACT: This paper entitled "Socio-Cultural History of Handicrafts in Brunei Darussalam: Metal and Fabric Weave". The historical record shows that Brunei Darussalam is rich in heritage of material cultural. This material culture is the result of crafts that are created to meet the needs of the community which often have an interest in accordance with the changes and developments. Material culture had a reasonable and realistic in life, whether at home or at the community level. Handicraft is a legacy passed down from one generation to another generation. Handicraft production is also of economic resources that can help improve the economic status of the manufacturer. In addition, handicrafts also have symbolic significance, such as providing representation and cultural identity of the nation. This paper will discuss several kinds of handicrafts produced by the Brunei and its interest in the Brunei community. In addition will be seen the role of society and the government to ensure the continuity of production and consumption of material culture as an important step in the effort to defend the cultural heritage or identity of the Bruneian.

KEY WORD: Material culture, handicrafts, metal, cloth weaving, economic resources, self-esteem and national identity, and community of Brunei.

PENDAHULUAN

Dari catatan sejarah menunjukkan bahawa Negara Brunei Darussalam kaya dengan khazanah budaya material. Istilah "budaya material" ini juga merangkumi hasil pertukangan tangan, atau kraftangan, yang dicipta untuk memenuhi keperluan masyarakat yang

selalunya mempunyai kepentingan sesuai dengan perubahan dan perkembangan semasa. Budaya material mempunyai peranan yang wajar dan realistik dalam kehidupan, sama ada di rumah atau pada peringkat komuniti. Di samping itu, hasil kraftangan ini juga mempunyai kepentingan simbolik, seperti perlambangan identiti

Siti Norkhalbi Haji Wahsalfelah, Ph.D. ialah Pensyarah di Akademi Pengajian Brunei UBD (Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tunku Link, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi dengan alamat emel: norkhalbi.wahsalfelah@ubd.edu.bn

budaya dan bangsa.

Kraftangan ialah suatu peninggalan yang diwariskan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Menurut sejarah, manusia mula mencipta barangan kraft di antara 8000 tahun Sebelum Masehi (Mat Arus, 2002). Malah keupayaan manusia untuk membuat barangan kraft adalah jauh lebih awal sebelum mereka mencipta tulisan. Dari itu, barangan kraft ini adalah merupakan bukti utama dan peninggalan, atau kesan legasi, yang tertua sekali tentang ekspresi budaya (Schlereth, 1985).

Terdapat berbagai jenis kraftangan, termasuk pembuatan tembikar, anyaman, pertukangan kayu, pertukangan logam, dan kain tenunan. Kertas kerja ini hanya akan menumpukan perbincangan tentang pengeluaran dan penggunaan kraftangan yang diperbuat dari logam seperti keris, *celapa*¹ dan gangsa, dan kain tenunan; serta kepentingan barangan kraftangan ini dalam masyarakat Brunei.

SEJARAH PENGELUARAN DAN PENGGUNAAN HASIL KRAFTANGAN DI BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh sebenar tentang kewujudan kraftangan di Brunei masih belum dapat ditentukan. Namun terdapat bukti yang menunjukkan bahawa barangan hasil kraftangan mungkin telah pun wujud di Brunei seawal-awalnya dalam abad ke-7 Masehi. Berdasarkan kajian arkeologi, dimana penggalian yang dibuat oleh Tom Harrison pada tahun 1952-1953 di Kota

Batu, telah menemukan pelbagai artifak yang digunakan dalam pembuatan kain tenunan seperti pemintal benang, penyisir benang, pasa, alat petenunan, alat pemukul benang, bekas pencilup kain, dan juga ditemui alat yang digunakan dalam pertukangan logam, seperti acuan tanah berbentuk tiub yang dipercayai sebagai bekas acuan untuk membuat bedil serta artifak yang diperbuat dari tembaga. Pertarikan *radiocarbon* yang dilakukan telah menunjukkan pertarikan di antara tahun 800 hingga 1850 Masehi (Pg Hj Osman, 2002). Ini membuktikan bahawa kegiatan bertukang tangan telah pun wujud di Brunei pada sekitar abad ke-7 Masehi.

Pada bulan Mei 1999, penyelamatan arkeologi telah dilakukan di sebuah pulau kecil di kawasan Kota Batu dan menemukan kesan tinggalan tahi besi. Empat artifak yang berbentuk seperti tiub atau ruas bulu yang diperbuat dari tanah liat dengan campuran bahan-bahan seperti arang, pecahan batu quartz, batu pasir, dan kulit padi (Pg Hj Osman, 2002). Galian terbaru yang dilakukan di Kampung Limau Manis pada bulan Oktober 2002, juga telah menemukan alat-alat bertenun kain (Pg Hj Osman, 2003). Penemuan terbaru ini merupakan bukti yang mengukuhkan bahawa penduduk tempatan mempunyai kemahiran dalam kraftangan kain tenunan dan logam.

Pengeluaran dan penggunaan barangan kraftangan, seperti kain tenunan, barangan tembaga, emas dan perak, bukan suatu yang asing di kalangan masyarakat Brunei (Haji Wahsalfelah, 2006b). Menurut catatan awal yang dibuat oleh pengembara-pengembara asing yang datang ke Brunei, banyak menyebutkan kemahiran bertukang tangan ini tertumpu di Kampong Ayer.

Di zaman sebelum naungan British, Kampong Ayer bukan sahaja merupakan pusat pemerintahan tetapi juga merupakan pusat kebudayaan

¹*Celapa* ialah tempat untuk menaruh sirih pinang. Di Brunei Darussalam, terdapat berbagai jenis tempat menaruh sirih pinang yang merangkumi *celapa*, *tipa*, dan *kaskol*. Dalam kertas kerja ini ketiga-tiga istilah akan digunakan untuk merujuk tempat menaruh sirih pinang sesuai dengan taraf pengguna atau pemilikinya. *Celapa* ini berubah namanya sesuai dengan taraf pembesar diraja tertentu. *Celapa* yang dianugerahkan kepada Wazir dan Kepala Ceteria dikenali sebagai *kaskol*, manakala bagi Ceteria Besar, Ceteria Pengalasan Besar, dan Ceteria Pengalas Damit, serta Manteri-manteri pula dipanggil *tipa*.

dan perekonomian yang sangat penting (Abdullah al-Habsyi, 1983/1984; dan Haji Serudin, 1996). Pada ketika itu, terdapat beberapa buah kampung yang dinamakan bersempena dengan kemahiran atau pekerjaan penduduk kampung (Haji Ibrahim, 1996a). Spencer St. John (1962) ada menyebutkan nama-nama kampung atas kemahiran penduduknya, di antaranya ialah “Kampong Pandai Besi” yang penduduknya mahir bertukang besi; dan “Kampong Pandai Emas”² bagi tempat kediaman tukang emas, perak, dan bertenun kain.

Bukti lain yang merujuk kepada catatan sejarah pula memberikan andaian bahawa asal-usul kraftangan di Brunei adalah dari pertembungan pengaruh China, India, dan Jawa. Brunei pada suatu ketika dulu pernah menjadi pelabuhan penting, atau *entreport*, kepada pedagang-pedagang asing yang datang dari India dan China. Brunei juga telah dicatatkan mengimpot bahan-bahan mentah seperti benang sutera yang berwarna-warni dan timah dari China (Hirth & Rockhill, 1966; dan Pg Hj Osman, 2002).

Satu bukti yang menunjukkan adanya pengaruh Jawa tentang asal-usul kraftangan ini ialah dengan merujuk catatan tentang persabungan ayam di antara Awang Alak Betatar, Raja Brunei yang pertama, sebelum memeluk agama Islam dengan Betara Majapahit. Taruhannya, jika Betara Majapahit kalah maka ia harus menyerahkan kapal beserta segala isinya mesti diserahkan kepada Raja Brunei. Manakala jika Raja Brunei kalah, maka baginda terpaksa menyerahkan negeri Brunei di bawah kekuasaan Majapahit.

Dalam persabungan itu, ayam Awang Alak Betatar telah menang dan ini bermakna Betara Majapahit terpaksa menyerahkan kapal beserta isinya kepada Raja Brunei. Di dalam

kapal tersebut termasuk 40 orang tukang, termasuk tukang tembaga, emas dan perak, serta tukang tenun kain (Haji Ibrahim, 1985); dan mereka ini ditempatkan di Kampung Sungai Kedayan.

Dan ini juga dinyatakan oleh Peter Blundell (1923:86-87), yang membuktikan bahawa penduduk Kampung Sungai Kedayan tersebut memang mahir dalam pertukangan emas, perak, dan bertenun kain; dan di zaman dulu hasil kerja mereka banyak ditempah oleh golongan diraja. Perkara ini dikukuhkan lagi dengan pernyataan yang dibuat oleh Spencer St. John, seperti berikut:

Many of the people are employed casting brass guns, or are goldsmiths or general traders and latterly their women have commenced the manufacture of expensive and handsome gold brocade (John, 1962:256).

Pengaruh asing terhadap kraftangan di Brunei tidak hanya terhad pada bahan mentah dan kemahiran, tetapi juga dari segi penggunaan ukiran dan motif. Tidak dinafikan bahawa penggunaan motif yang berasaskan binatang tidak biasa digunakan dalam barangan kraftangan, kerana pengaruh agama Islam; namun terdapat sebilangan kecil motif binatang seperti ukiran naga digunakan, terutama pada barang-barang tembaga seperti ciri, langguai, bedil, dan gangsa. Menurut Pg Karim Pg Hj Osman (2002), pengaplikasian elemen-elemen asing ini telah menambahkan lagi variasi seni kraftangan Brunei ke tahap yang lebih baik dan menarik.

Ketika Pigafetta datang melawat Brunei pada tahun 1521, beliau mencatatkan kekagumannya terhadap adat-istiadat diraja. Beliau juga mencatatkan tentang tembakan meriam yang merupakan tembakan kehormat dibuat sejak pagi hingga ke petang, yang menunjukkan menandakan rutin harian raja mulai bangun tidur, bersiram, santap, dan beradu. Ini menunjukkan bahawa

²Kampung ini juga dikenali dengan nama “Kampung Sungai Kedayan”.

Brunei adalah merupakan sebuah negara yang mempunyai kuasa besar. Dicatatkan juga bahawa Brunei adalah merupakan sebuah bandar yang kaya dengan budaya seni pertukangan perak dan bertenun kain (Brown, 1974; Nicholl ed., 1975; dan Hughes-Hallet, 1998).

Dalam catatan tersebut, Pigafetta juga menyebutkan tentang penggunaan pedang, tombak, dan perisai oleh pengawal-pengawal Istana. Peralatan yang diperbuat daripada perak, seperti kedudukan dian dan pelita, juga digunakan. Para pembesar negara membawa keris dan memakai pakaian dari kain tenunan. Selain menjadi pakaian, kain tenunan juga dijadikan sebagai langsir di istana (Brown, 1974; Nicholl ed., 1975; dan Hughes-Hallet, 1998:32-33).

Dalam *Silsilah Raja-raja Brunei*, yang dicatatkan oleh Imam Yaakub (dalam Sweeney, 1998), juga banyak menyebutkan tentang penggunaan budaya material dalam adat-istiadat diraja, iaitu majlis menobatkan raja. Di antara alat-alat yang digunakan ialah kasur bertepi emas, puan kerajaan, keris kerajaan, pedang kerajaan, dan perisai kerajaan. Disebutkan juga penggunaan penastan perak, kabuk perak, persigupan emas, lembing bersampak emas, dan lain-lain.

Kini, dalam adat-istiadat diraja, penggunaan kraftangan yang diperbuat daripada logam seperti keris, gangsa, bedil, celapa, kabuk dan penastan, pesigupan, dan alat-alat yang lain masih lagi digunakan (Awang Abbas, 2002/2003). Barangan kraftangan ini mempunyai peranan sebagai alat kebesaran dan juga alat perhiasan diraja yang digunakan semasa istiadat-istiadat seperti perkahwinan diraja, istiadat bergelar, hari keputeraan, dan seumpamanya. Kain tenunan juga dipakai oleh para pembesar dan para jempunan yang menghadiri istiadat-istiadat diraja.

KEPENTINGAN KRAFTANGAN LOGAM DAN KAIN TENUNAN DALAM MASYARAKAT MELAYU

Dalam masyarakat Melayu, pengeluaran dan penggunaan kraftangan logam dan kain tenunan tidak hanya mempunyai fungsi guna, tetapi juga menekankan kepada fungsi ekspresif dan simbolik. Keseimbangan fungsi-fungsi tersebut memberikan nilai yang lebih tinggi ke atas barangan kraftangan (Wan Yusoff *et al.*, 2004).

Pengeluaran dan penggunaan barangan kraftangan ini berkait rapat dengan adat, kebudayaan, dan kesenian warisan bangsa Melayu. Sebagai contoh, motif-motif yang digunakan untuk menghiasi barangan kraftangan melambangkan jatidiri Melayu yang mengandungi nilai-nilai seni keindahan dan kehalusan tradisi budaya Melayu (Shaari & Suleiman, 2006). Ini menunjukkan bahawa barangan kraftangan merupakan elemen yang penting dalam sosio-budaya masyarakat Melayu yang meliputi ruang lingkup yang luas sebagai lambang nilai budaya dan identiti (Haji Wahsalfelah, 2004a).

Barangan kraftangan yang diperbuat daripada logam, samada emas, perak, tembaga dan besi seperti keris, celapa, gangsa mahupun kain tenunan, mempunyai peranan penting dalam masyarakat Melayu. Barangan kraftangan ini biasa dilihat penggunaannya dalam upacara adat, seperti majlis perkahwinan, istiadat penganugerahan gelaran, dan sebagainya. Barangan kraftangan ini tidak hanya terhad penggunaannya di kalangan golongan atasan, tetapi juga dalam lingkungan masyarakat biasa.

Pertama, Warisan Tradisi. Dalam upacara-upacara keraian seperti perkahwinan, barangan kraftangan seperti keris, celapa, gangsa, dan kain tenunan berfungsi untuk menunjukkan “kemajalisan” bangsa Melayu yang mementingkan adab sopan dan nilai keindahan.

Di zaman tradisi, keris merupakan sebahagian daripada pakaian kaum lelaki yang bukan hanya berfungsi sebagai senjata, tetapi juga alat perhiasan yang sentiasa dipakai dimana pun mereka berada. Bagi masyarakat Melayu, keris adalah lambang kejantanan; dan merupakan satu keaiban bagi lelaki dewasa jika tidak memakai dan memiliki sebarang keris (Hj Abd Rahman & Hj Awg Shapawi, 2005).

Kini, penggunaan keris di kalangan kaum lelaki hanya terhad dalam upacara-upacara tertentu sahaja. Dalam majlis perkahwinan, keris adalah asesori penting bagi pengantin lelaki. Ketika itu, keris tidak hanya berfungsi sebagai perhiasan bagi menunjukkan statusnya sebagai “raja sehari”, tetapi untuk menimbulkan semangat kepahlawanan dan kegagahan selaku orang yang akan bertanggungjawab bagi melindungi “permaisurinya” (Hj Abd Rahman & Hj Awg Shapawi, 2005).

Celapa juga mempunyai peranan yang penting dalam tradisi masyarakat Melayu. Selain dari digunakan sebagai bekas menyimpan sirih pinang, celapa juga berfungsi sebagai tempat menyimpan barang kemas, wang, dan peralatan menjahit. Di samping itu, celapa juga digunakan dalam perubatan (Bulat, 2002).

Di kalangan masyarakat Melayu tradisi, sesebuah keluarga itu dianggap tidak sempurna jika tidak terdapat celapa di rumah mereka, kerana celapa disifatkan sebagai penyeri atau raja dalam sesebuah rumah tangga. Dari itu, celapa dijadikan sebagai salah satu hantaran pengantin lelaki kepada pengantin perempuan.³ Walau bagaimanapun, kini amalan ini telah digantikan dengan menghantar sirih junjung (Bulat, 2002).

Celapa juga berperanan dalam kehidupan seharian masyarakat tradisi

yang melambangkan nilai adab sopan. Kebiasaan bagi masyarakat Melayu untuk menghidangkan sirih pinang yang disimpan didalam celapa atau tipa kepada tetamu berkunjung ke rumah. Amalan ini merupakan penghormatan yang ditunjukkan kepada tetamu yang datang.

Satu lagi barangan kraftangan yang masih berfungsi di kalangan masyarakat Melayu ialah gangsa. Gangsa biasanya berbentuk bulat dan mempunyai kaki serta mempunyai hiasan motif-motif yang melambangkan identiti kesenian Melayu. Gangsa ini lazimnya digunakan untuk meletakan barang-barang tertentu seperti pakaian dan makanan, terutama dalam upacara-upacara tertentu seperti majlis pertunangan dan majlis perkahwinan.

Dalam majlis pertunangan, semua barang hantaran seperti cincin, wang mahr, kain jong sarat, dan pakaian akan diletakkan di atas gangsa. Begitu juga dalam adat perkahwinan, gangsa digunakan sebagai tempat untuk meletakan segala barang-barang yang akan digunakan di sepanjang majlis perkahwinan, seperti bedak tujuh warna, bunga rampai, air wangi, dan sebagainya.

Pakaian persalinan bagi pengantin juga biasanya diletakkan di atas gangsa. Selain itu, gangsa juga digunakan untuk meletakan makanan yang dihidangkan kepada pengantin. Penggunaan gangsa untuk meletakan barangan dalam upacara ini boleh ditafsirkan sebagai tanda penghormatan (Sulaiman & Md Jos, 2005).

Satu lagi barangan kraftangan yang berperanan penting dalam masyarakat Melayu ialah kain tenunan. Kain tenunan Brunei digunakan sebagai pakaian dan juga hantaran perkahwinan. Dalam keadaan ini, kain tenunan mempunyai peranan yang penting dalam mewujudkan dan mengeratkan hubungan sosial, serta melambangkan status sosial (Renne, 1995; dan Haji Wahsalfelah, 2003).

Bagi masyarakat Melayu Brunei,

³Penggunaan celapa sebagai hantaran perkahwinan masih lagi diamalkan di kalangan Puak Melayu Bisaya di Brunei Darussalam. Sila rujuk Kipli Bulat (2002:9-10).

kain tenunan Brunei jenis jong sarat dijadikan sebagai salah satu hantaran perkahwinan yang mesti diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan. Sebuah perkahwinan tersebut dianggap tidak sempurna, malah boleh menimbulkan aib, jika pengantin lelaki tidak mampu memberikan kain tenunan Brunei kepada bakal isterinya. Di samping melambangkan kasih-sayang, pemberian kain tenunan juga menunjukkan kestabilan kedudukan kewangan pengantin lelaki (Haji Wahsalfelah, 2005).

Kain tenunan yang diberikan sebagai balasan hantaran pertunangan atau perkahwinan dari pengantin perempuan menunjukkan bahawa pengantin perempuan tersebut mempunyai status yang sama atau lebih tinggi taraf sosialnya dengan pengantin lelaki. Selain dari hantaran, kain tenunan Brunei juga dipakai oleh pengantin di sepanjang majlis perkahwinan mereka. Pada upacara tersebut, pasangan pengantin akan memakai pakaian sedondon yang diperbuat dari kain tenunan. Keseragaman warna dan ragam hias pakaian tersebut melambangkan kesatuan dan kesefahaman (Haji Wahsalfelah, 1999).

Pemakaian kain tenunan dalam majlis perkahwinan dalam masyarakat Melayu tidak hanya dilihat sebagai perluahan makna simbolik tentang hubungan sosial, tetapi juga perasaan tanggungjawab yang perlu dipenuhi dalam melayani pasangan pengantin dengan sewajarnya, sesuai dengan pepatah Melayu bahawa pasangan pengantin adalah merupakan “raja sehari” di hari perkahwinan mereka.

Selain dari majlis perkahwinan, kain tenunan juga biasa dipakai ketika “majlis mandi berlawat”. Majlis ini diadakan bagi ibu yang melahirkan anak pertama dan biasanya diadakan selepas 40 hari, iaitu melimpasi waktu pantang. Majlis ini diadakan sebagai tanda kesyukuran dan proses peralihan

kepada status baru sebagai seorang ibu. Ketika majlis mandi berlawat ini, ibu yang diraikan memakai pakaian seperti pengantin, manakala anaknya akan dipakaikan dengan baju baru dan disalut dengan kain jong sarat.

Majlis berkhatan juga biasa diadakan di kalangan masyarakat Melayu Brunei, bukan hanya bagi anak lelaki tetapi juga anak perempuan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan majlis ini berbeza di antara lelaki dan perempuan. Bagi lelaki, majlis berkhatan biasanya diadakan setelah melalui proses berkhatan ketika berumur sekitar sepuluh tahun, manakala bagi anak perempuan pula diadakan pada usia muda beberapa bulan hingga dua tahun. Biasanya, majlis berkhatan ini diadakan setelah anak lelaki atau perempuan yang telah dikhatankan itu sembuh.

Majlis berkhatan ini biasanya diadakan dimana ibu bapa anak yang diraikan akan menjemput saudara mara dan sahabat handai mereka, dan para tetamu akan dijamu dengan berbagai-bagai jenis makanan, sama ada makanan basah atau kering. Di samping itu, para tetamu juga akan diberikan bungkusan berbentuk makanan atau bunga telur untuk dibawa pulang. Dalam majlis tersebut, anak lelaki yang diraikan dipakaikan pakaian Melayu yang lengkap, termasuk songkok atau dastar (tanjak) dan sinjang (*samping*) dari kain tenunan. Manakala bagi anak perempuan pula akan dibalut dengan kain jong sarat.

Majlis sempena meraikan akil baligh bagi remaja perempuan, yang dikenali sebagai majlis mandi berhias, juga diadakan, terutama di kalangan golongan bangsawan dalam masyarakat Melayu Brunei. Majlis ini diadakan setelah remaja tersebut mendapat haid pertama. Pelaksanaan majlis ini serupa dengan majlis berkhatan bagi lelaki. Dalam majlis tersebut remaja perempuan akan dihias dan dipakaikan dengan pakaian seperti pengantin

serta dipakaikan “kain kapit” dari kain tenunan.

Penggunaan kain tenunan ini tidak hanya terhad dalam upacara-upacara meraikan kehidupan, tetapi juga digunakan dalam upacara kematian. Dalam masyarakat Melayu, kain tenunan digunakan sebagai kain penutup keranda, terutama di kalangan golongan atasan. Penggunaan ini bukan hanya dilihat sebagai pemakaian akhir yang menandakan penghormatan kepada si mati, tetapi juga melambangkan status sosial dan ekonomi si mati dan keluarganya (Haji Wahsalfelah, 2005).

Kedua, Adat-Istiadat Diraja. Negara Brunei Darussalam adalah negara yang mengamalkan sistem monarki yang masih mengamalkan adat-istiadat diraja, walaupun terdapat perubahan yang diselaraskan dengan perkembangan semasa. Dalam adat-istiadat diraja, barangan kraftangan yang diperbuat dari emas, perak, dan tembaga menunjukkan identiti pengguna atau pemiliknya.⁴ Sebagai contoh, pembesar diraja yang dianugerahkan gelaran Wazir, Ceteria, dan Menteri akan menerima alat-alat kebesaran seperti keris dan tempat menyimpan sirih.

Bagi Wazir dan Kepala Ceteria, kaskol (celapa) yang dianugerahkan kepada mereka adalah diperbuat dari emas. Bagi Ceteria Besar, Ceteria Pengalasan Besar, Ceteria Pengalasan Damit, dan Manteri-manteri, iaitu: Pehin Dato Perdana Menteri dan Pehin Orang Kaya Di-Gadong, dianugerahkan tipa yang beranakan perak. Manakala Manteri-manteri yang lain dianugerahi tipa yang beranakan tembaga.

Kain tenunan juga kepentingan dalam adat-istiadat diraja sebagai pakaian adat, anugerah, dan alat kebesaran. Penggunaan kain tenunan menggambarkan status pemakai atau

pemilikinya; dan juga boleh ditafsirkan sebagai lambang kekuasaan dan tanggungjawab (Haji Wahsalfelah, 2006a).

Apabila seseorang dikurniakan gelaran, beliau juga akan dianugerahkan dengan persalinan pakaian dan “pakaian kerajaan” (Yusuf, 1975). Dalam pakaian kerajaan itu termasuklah sepasang baju dan seluar, sampung, dan dastar dari kain tenunan. Warna dan rekabentuk kain sampung dan dastar itu bergantung kepada kedudukan orang yang dikurniakan gelaran itu di dalam hierarki politik tradisi Brunei (Haji Wahsalfelah, 2004b).

Dalam sistem politik tradisi, sesuatu gelaran yang dikurniakan bukan sahaja merupakan penghormatan semata-mata, tetapi juga merupakan tanggungjawab. Tanggungjawab mereka sebagai “mata, telinga dan mulut” kepada Sultan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai keadaan rakyat dan menyampaikan sesuatu hasrat baginda kepada pihak yang berkenaan bagi menyempurnakan amanah rakyat (Pg Mohd Yusof, 1988).

Penganugerahan persalinan pakaian dan regalia yang lain seolah-olah menggambarkan penyerahan suatu elemen tugas dan tanggungjawab dari raja kepada orang yang dikurniakan gelaran tersebut. Penganugerahan tersebut juga merupakan suatu pemindahan sebahagian kuasa yang ada pada raja kepada orang yang dianugerahi gelaran untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai orang yang diamanahkan untuk membangun dan menjaga kesejahteraan serta keamanan negara (Haji Wahsalfelah, 1999).

Pengagihan alat kebesaran seperti keris dan celapa, serta kain tenunan dalam penganugerahan gelaran itu juga boleh ditafsirkan sebagai pengukuhan hubungan antara raja dengan pembesar yang dilantik. Objek digunakan sebagai perluan dalam bentuk yang nyata

⁴Bagi penjelasan lanjut mengenai adat-istiadat diraja di Negara Brunei Darussalam, sila lihat P.M. Yusuf (1975).

atau *tangible expression* (Layton, 1981) tentang pengakuan kepimpinan dan kuasa yang diamanahkan terhadap orang yang dianugerahi gelaran tersebut.

Di zaman dahulu, persalinan pakaian juga dianugerahkan kepada perutusan yang dilantik oleh Sultan. Dalam *Silsilah Raja-raja Brunei* dicatatkan bahawa apabila Sultan menghantar perutusan baginda ke luar negara, setiap ahli rombongan perutusan tersebut dikurniakan dengan sepengadok pakaian persalinan, dan pegawai-pegawai utama juga akan dikurniakan dengan alat kebesaran seperti keris, pedang, dan payung (Sweeney, 1998:73). Penganugerahan ini boleh dilihat sebagai metafora kuasa dan kewibawaan (Cohn, 1989) yang memberikan kekuasaan ke atas pegawai-pegawai yang diutus untuk bertindak bagi pihak raja. Penerimaan penganugerahan itu pula melambangkan ketaatan mereka kepada raja dan kesediaan mereka untuk menjunjung perintah raja (Haji Wahsalfelah, 2005).

PELESTARIAN KRAFTANGAN

Kesinambungan pengeluaran kraftangan bergantung penuh kepada hidupnya penggunaan khazanah warisan ini di kalangan masyarakat. Keutuhannya adalah merupakan perlambangan tentang identiti dan budaya bangsa Melayu. Adalah menjadi tanggungjawab yang harus dipikul oleh semua pihak, termasuk pihak kerajaan dan semua ahli masyarakat, bagi memastikan budaya ini tidak pupus ditelan arus perubahan zaman.

Penubuhan institut kemahiran pertukangan tangan sangat penting dalam mempertahankan dan meningkatkan kesinambungan kewujudan budaya material dalam tradisi Melayu di Brunei Darussalam. Di antara langkah yang telah dibuat oleh pihak kerajaan ialah menubuhkan Pusat Latihan Kesenian dan

Pertukangan Tangan pada tahun 1975. Matlamat utama penubuhan institusi ini ialah untuk menghidupkan semula semua jenis pertukangan tempatan yang hampir dan telah mengalami kepupusan.

Bagi merealisasikan tujuan ini, Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan telah menawarkan kursus-kursus kemahiran, termasuk pertukangan emas, perak dan tembaga, serta bertenun kain. Para pelatih dikehendaki mengikuti kursus selama tiga tahun. Di sepanjang tempoh kursus, para pelatih didedahkan sistem pembelajaran yang perperingkat-peringkat, bermula dengan pengajaran asas tentang kemahiran yang dipelajari. Setelah itu, pelatih akan didedahkan kepada peralatan-peralatan yang digunakan dalam proses pembuatan, dan seterusnya pelatih diberi peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka dengan menjalani latihan amali.

Usaha lain juga telah dibuat bagi memastikan kesinambungan warisan tradisi bertenun kain, iaitu dengan menubuhkan bengkel tenunan di kawasan perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kampong Bolkiah A dan B, yang terletak di kawasan Kampong Ayer. Penubuhan bengkel tenunan di Kampong Ayer ini adalah merupakan langkah untuk menghidupkan semula aktiviti tradisi masyarakat di lokasi asal bagi menarik pelancong asing (Haji Ibrahim, 1996b; dan Muhammad Melayong, 2006). Di samping itu, bengkel ini diwujudkan untuk memberi galakan kepada penduduk di kawasan ini untuk mempertingkatkan sumber ekonomi mereka.

Penubuhan Koperasi Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei Berhad juga telah diungkayahkan pada tahun 1995. Keahlian Koperasi ini dikhususkan bagi lepasan dari Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan. Walaupun tujuan Koperasi ini ditubuhkan untuk membantu

ahli-ahlinya bagi meningkatkan ekonomi dengan memberi kemudahan-kemudahan seperti menjalankan aktiviti-aktiviti perusahaan dan perdagangan, tetapi penubuhan ini secara tidak langsung boleh dilihat sebagai usaha pelestarian pengeluaran kraftangan. Dengan bantuan yang diberikan ini pastinya akan menggalakan para tukang dan pengusaha untuk mempertingkatkan atau memperluaskan pengeluaran barangan kraftangan.

Pengaplikasian barangan kraftangan seperti keris, celapa, gangsa, dan kain tenunan, terutama dalam adat-istiadat diraja, membantu dalam memastikan kesinambungan pengeluaran kraftangan ini di negara Brunei Darussalam. Sesuai dengan perkembangan arus globalisasi, para tukang dan pengusaha kraftangan perlu mempunyai wawasan untuk meneroka pengeluaran dengan memanfaatkan pasaran global dan mengeluarkan produk-produk kraftangan tidak hanya untuk penggunaan tempatan. Dari itu, usaha bagi memperkembangkan pengeluaran kraftangan ini perlu dilakukan dengan memperluaskan penggunaan barangan kraftangan melampaui batas penggunaan tradisi dan adat-istiadat, seperti mengeluarkan produk cenderamata dan *tourist art* (Haji Aji & Mohd Zaidi, 2004).

KESIMPULAN

Keris, celapa, gangsa, dan kain tenunan merupakan beberapa barangan kraftangan yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu Brunei. Barang-barangan ini mempunyai peranan penting dalam sejarah sosio-budaya masyarakat yang tidak hanya terhad kepada fungsi gunaan, tetapi juga merupakan khazanah warisan yang melambangkan identiti, nilai, dan budaya bangsa.

Di samping itu, penghasilan kraftangan ini juga adalah sumber ekonomi yang dapat membantu

memperbaiki status ekonomi pengeluar. Dari itu, langkah-langkah pelestarian pengeluaran dan penggunaan kraftangan ini perlu diusahakan bukan hanya untuk menjamin kesinambungan budaya material dalam memelihara warisan tradisi dan jatidiri bangsa, tetapi tidak kurang penting adalah untuk memastikan pengeluarannya dapat dimanfaatkan untuk mempertingkatkan ekonomi mereka.

Bibliografi

- Abdullah al-Habsyi, Syed Hashim. (1983/1984). "The Traditional Economics Activities in the Kampong Ayer". *Unpublished B.A. Thesis*. Singapore: University of Singapore.
- Awang Abbas, Masdiana. (2002/2003). "Pertukangan Logam dalam Masyarakat Melayu Brunei Masa Kini". *Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Brunei, Tidak Diterbitkan*. Bandar Seri Begawan: Universiti Brunei Darussalam.
- Blundell, Peter. (1923). *The City of Many Waters*. London: Arrowsmith.
- Brown, D.E. (1974). "Antonio Pigafetta's Account of Brunei in 1521" dalam *Brunei Museum Journal*, 2:2, ms.171-179.
- Bulat, Kipli. (2002). *Warisan Budaya: Keindahan Bentuk dan Ragam Hias Calapa*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-muzium Brunei.
- Cohn, B.S. (1989). "Cloth, Clothes, and Colonialism: India in the Nineteenth Century" dalam A.B. Weiner & J. Schneider [eds]. *Cloth and Human Experience*. Washington and London: Smithsonian Institution Press, ms.303-353.
- Haji Aji, Fatimah & Norwatiza Mohd Zaidi. (2004). *Directory of Handicraft Entrepreneurs in Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Brunei Museums Department.
- Haji Ibrahim, Abdul Latif. (1985). "The Changing Symbolism and Function of the Bedil, the Cannon of Brunei". *Unpublished M.Phil. Thesis*. Cambridge, UK: University of Cambridge.
- Haji Ibrahim, Abdul Latif. (1996a). "Variations and Changes in the Names of and Locations of the Wards of Brunei's Kampong Ayer Over the Last Century" dalam *Kampong Ayer: Warisan, Cabaran, dan Masa Depan*. Gadong: Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, ms.18-34.
- Haji Ibrahim, Abdul Latif. (1996b). "Kampong Ayer: Warisan, Cabaran, dan Masa Depan". *Kertas kerja* dibentang dalam Simposium

- Antarabangsa Kampong Ayer, anjuran Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, pada 6-9 September.
- Haji Serudin, Md Zain [Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr Haji]. (1996). "Ucapan Rasmi Majlis Pembukaan Rasmi Simposium Antarabangsa Kampong Ayer". *Kertas ucapan rasmi* dalam Simposium Antarabangsa Kampong Ayer, anjuran Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, pada 6 September.
- Haji Wahsalfelah, Siti Norkhalbi. (1999). "The Traditional Woven Textiles of Brunei Darussalam". *Unpublished M.A. Thesis*. Durham: University of Durham.
- Haji Wahsalfelah, Siti Norkhalbi. (2003). "Penggunaan Kain Tenunan Tradisional dalam Masyarakat Melayu Brunei: Satu Tinjauan Awal" dalam *Beriga*, 79 [April-June], ms.3-17.
- Haji Wahsalfelah, Siti Norkhalbi. (2004a). "Material Budaya dan Pembinaan Identiti Budaya Kebangsaan Brunei Darussalam". *Kertas kerja* dibentang dalam Seminar Kebangsaan Calak Brunei: Ke Arah Mengangkat Martabat Bangsa, anjuran Universiti Brunei Darussalam, di Negara Brunei Darussalam.
- Haji Wahsalfelah, Siti Norkhalbi. (2004b). "Kain Tenunan Tradisional dalam Adat-Istiadat Diraja Brunei: Manifestasi Perlambangan Status dan Kekuasaan" dalam *Beriga*, 85 [October-December], ms.63-75.
- Haji Wahsalfelah, Siti Norkhalbi. (2005). "Traditional Woven Textiles: Tradition and Identity Construction in the 'New State' of Brunei Darussalam". *Unpublished Ph.D. Thesis*. Australia: University of Western Australia.
- Haji Wahsalfelah, Siti Norkhalbi. (2006a). "Kain Tenunan Brunei: Warisan, Cabaran, dan Masa Depan". *Kertas kerja* dibentang dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu mengenai Warisan Seni Budaya Melayu: Pelestarian dan Pembangunan, anjuran Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia, pada 8-9 November.
- Haji Wahsalfelah, Siti Norkhalbi. (2006b). "Transformasi Lokasi Pengeluar Kain Tenunan: Kesenambungan Warisan Budaya Brunei Darussalam". *Kertas kerja* dibentang dalam Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan ke-2: Transformasi Sosial Masyarakat Perkotaan/Bandar di Borneo-Kalimantan, di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, pada 13-15 Ogos.
- Hirth, F. & W.W. Rockhill. (1966). *Chau Jua Kua: His Work on the Chinese and Arab Trade in the Twelfth and Thirteenth Centuries, Entitled Chu-Fan-Chi*. New York: Paragon Book Reprint Corp.
- Hj Abd Rahman, Norzarinah & Dyg Joshopiana Hj Awg Shapawi. (2005). "Keris Brunei". *Kertas tidak diterbitkan* dalam Kerja Kursus AB 3204: Budaya Material Brunei, anjuran Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Hughes-Hallett, H.R. (1998). "A Sketch of the History of Brunei". *Papers Relating to Brunei in the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Kuala Lumpur: First published in 1968, pp.28-45.
- John, Spencer St. (1962). *Life in the Forests of the Far East*. London: Smith, Elder and Co.
- Layton, R. (1981). *The Anthropology of Art*. London: Granada Publishing.
- Mat Arus, Baharuddin. (2002). "Industri Tembaga di Brunei, Satu Pendekatan Sains dan Teknologi: Isi dan Prospek". *Kertas kerja* dibentang dalam Seminar dan Fiesta Kraftangan Brunei, anjuran Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jabatan Muzium-muzium, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, 4-6 Jun.
- Muhammad Melayong, Muhammad Hadi. (2006). "Kampong Ayer (Aying): Cabaran dan Masa Depan". *Kertas kerja* dibentang dalam Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan ke-2: Transformasi Sosial Masyarakat Perkotaan/Bandar di Borneo-Kalimantan, di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, pada 13-15 Ogos.
- Nicholl, R. [ed]. (1975). *European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century*. Bandar Seri Begawan: Muzium-muzium Brunei.
- Pg Hj Osman, Pg Karim. (2002). "Sejarah Awal Perusahaan Kraftangan Brunei dan Bukti-bukti Melalui Kesan Peninggalan Arkeologi". *Kertas kerja* dibentang dalam Seminar dan Fiesta Kraftangan Brunei, anjuran Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jabatan Muzium-muzium, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, pada 4-6 Jun.
- Pg Hj Osman, Pg Karim. (2003). "Tapak Sungai Limau Manis: Satu Kajian Awal dari Perspektif Arkeologi". *Kertas kerja* dibentang dalam Seminar Sejarah Brunei: Menyusuri Sejarah Nasional, anjuran Yayasan Sultan Hassanah Bolkiah dan Persatuan Sejarah Brunei, di Pusat Da'wah, Berakas, Brunei Darussalam.
- Pg Mohd Yusof, Pg Ahmad [Dato Seri Paduka Haji]. (1988). *Adat-Istiadat dalam Kursus untuk Graduan-graduan yang Baru Berkhidmat*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Adat-Istiadat Negara.
- Renne, E.P. (1995). *Cloth that Does Not Die: The Meaning of Cloth in Bunu Social Life*. Seattle: University of Washington Press.
- Schlereth, T.J. (1985). "Material Culture and Cultural Research" dalam *Material Culture: A Research Guide*. Lawrence: University Press of Kansas, ms.1-34.

- Shaari, Nazlina & Norhayati Suleiman. (2006). "Peranan Tekstil di dalam Sosial Budaya Melayu Sarawak". *Kertas kerja* dibentang dalam Konferensi Antaruniversiti di Borneo-Kalimantan ke-2: Transformasi Sosial Masyarakat Perkotaan/Bandar di Borneo-Kalimantan, di Pontianak, Kalimantan Barat, Indonesia, pada 13-15 Ogos.
- Sulaiman, Exzayrani & Ramazah Md Jos. (2005). "Gangsa: Satu Tinjauan Awal". *Kertas tidak diterbitkan* dalam Kerja Kursus AB 3204: Budaya Material Brunei, anjuran Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.
- Sweeney, A. (1998). "Silsilah Raja-raja Brunei". *Papers Relating to Brunei in the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Kuala Lumpur: First published in 1968, ms.46-127.
- Wan Yusoff, Wan Abdul Kadir *et al.* (2004). *Teknologi Melayu: Konsep dan Bibliografi*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Yusuf, P.M. (1975). "Adat-Istiadat Diraja Brunei Darussalam" dalam *The Brunei Museum Journal*, Vol.3, No.3. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-muzium Brunei.



Seni Kraftangan Brunei
(Sumber: www.google.com, 11/2/2014)

Seni Kraftangan Brunei merupakan salah satu budaya yang klasik di Negara Brunei Darussalam dan masih ada sehingga sekarang. Seni kraftangan yang dimaksudkan seperti pertukangan perak, tembaga, tenunan kain, anyaman, songkok, dan seni ukir. Kesemua ini dibuat di sebuah muzium di Brunei yang bernama Muzium Brunei.